

**ATURAN-ATURAN
BAGI MENJALANKAN
KUMPULAN WANG KHAIRAT
KEMATIAN**

KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD
ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN

1. TAJUK

- 1.1 Aturan-Aturan ini dinamakan “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Kumpulan Wang Khairat Kematian Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad”.
- 1.2 Aturan-Aturan ini diwujudkan dibawah undang-undang kecil 8(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

2. TAFSIRAN

Didalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa;

“anggota” ertinya seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 15(1);

“Aturan” ertinya sesuatu peruntukkan dalam Aturan-Aturan;

“Aturan-Aturan” ertinya “Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Kumpulan Wang Khairat Kematian Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad” dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad;

“keuntungan bersih Koperasi ini” ertinya keuntungan teraudit koperasi ini bagi sesuatu tahun seperti ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta selepas diagihkan menurut undang-undang kecil 65;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang padanya pengurusan hal-ehwal koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta, dan dibentuk menurut undang-undang kecil 35(1) serta tertakluk kepada undang-undang kecil 33 & 37;

“Laporan Tahunan Lembaga” ertinya Laporan Lembaga yang disebut dalam undang-undang kecil 33 (1)(b);

“mesyuarat agung perwakilan” ertinya mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas koperasi ini seperti diperuntukkan dalam undang-undang kecil 24;

“penama” ertinya orang yang dinamakan oleh anggota menurut undang-undang kecil 17 untuk menerima setelah dia meninggal wang-wang terhak baginya dari koperasi ini atau dalam keadaan di mana penama tidak ada, pentadbir atau waris anggota yang meninggal itu atau pegawai pusaka;

“undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya;

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

3. TUJUAN

Tujuan Aturan ini diwujudkan ialah untuk merancangkan perjalanan Kumpulan Wang Khairat Kematian supaya ia berjalan dengan sempurna dan mengawal perjalanannya.

4. KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN

Kumpulan Wang yang dinamakan Kumpulan Wang Khairat Kematian Anggota Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad (yang selepas ini dirujuk sebagai “Kumpulan Wang ini”) yang telah ditubuhkan oleh Koperasi pada masa lampau hendaklah dikekalkan.

5. TUJUAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN

- 5.1 Kumpulan Wang ini hendaklah digunakan untuk pembayaran wang sebanyak RM2,000.00 bagi tujuan menguruskan pengebumian seorang anggota yang meninggal dunia dengan syarat anggota yang meninggal dunia itu telah menjadi anggota Koperasi ini untuk tempoh tidak kurang dari tiga tahun.
- 5.2 Pembayaran dari Kumpulan Wang ini boleh dibuat kepada penama anggota yang meninggal itu.

6. SUMBER WANG UNTUK KUMPULAN KHAIRAT KEMATIAN

- 6.1 Sumber wang untuk Kumpulan Wang ini hendaklah diperolehi melalui peruntukkan dari keuntungan bersih Koperasi ini bagi setiap tahun kewangan tertakluk kepada syarat bahawa peruntukkan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus dari keuntungan bersih tersebut.
- 6.2 Peruntukkan bagi Kumpulan Wang ini hendaklah disyorkan oleh Lembaga dan diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

7. PENTADBIRAN KUMPULAN WANG INI

- 7.1 Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga selaras dengan undang-undang kecil koperasi ini.
- 7.2 Lembaga bolehlah, dari masa ke semasa, mengikut budibicaranya, melaburkan semua atau sebahagian dari wang yang ada dalam Kumpulan Wang ini dan sebarang keuntungan yang diperolehi hendaklah dimasukkan dalam Kumpulan Wang ini.
- 7.3 Tertakluk kepada Aturan 7.2 diatas, wang yang diperuntukkan bagi Kumpulan Wang ini tidak boleh digunakan bagi sebarang tujuan selain dari menjelaskan tuntutan di bawah Aturan-Aturan ini.
- 7.4 Lembaga hendaklah masukkan laporan pembayaran di bawah Aturan-Aturan ini dalam laporan tahunan Lembaga.
- 7.5 Jika Juruaudit Luar yang menjalankan audit keatas akaun tahunan Koperasi tidak puas hati dengan butiran-butiran yang diberinya mengenai perjalanan Kumpulan Wang ini, beliau hendaklah memasukkan perkara ini dalam Laporan Berkanunnya.

8. TUNTUTAN DARI KUMPULAN WANG INI

- 8.1 Permohonan untuk bayaran dari Kumpulan Wang ini hendaklah dibuat oleh penama anggota yang meninggal dalam borang tertentu yang disediakan oleh Koperasi. Permohonan sedemikian hendaklah disertai dengan sijil kematian anggota yang telah meninggal.
- 8.2 Jika berlakunya kehabisan wang di dalam Kumpulan Wang ini pada sesuatu tahun kewangan dan jika Lembaga tidak memutuskan untuk menggantungkan perjalanan Kumpulan Wang ini dibawah Aturan 9, Lembaga boleh menjelas sehingga dua puluh tuntutan sahaja bagi tahun kewangan itu.

9. PENGGANTUNGAN KUMPULAN WANG INI

Jika berlakunya kehabisan wang di dalam Kumpulan Wang ini oleh sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, dan jika Lembaga fikirkan mustahak dan untuk kepentingan Koperasi ini yang perjalanan Kumpulan Wang ini patut digantungkan, maka Lembaga bolehlah menggantungkan perjalanan Kumpulan Wang ini sehingga Mesyuarat Agung Perwakilan yang berikut untuk keputusan. Pada masa Kumpulan Wang ini digantungkan samada atas keputusan Lembaga atau atas keputusan mesyuarat agung perwakilan, tiada sebarang bayaran akan dibuat dari Kumpulan Wang ini. Disyaratkan bahawa mesyuarat agung perwakilan yang menguruskan keputusan Lembaga untuk menggantung perjalanan Kumpulan Wang boleh memutuskan supaya tuntutan yang telah diterima sehingga tarikh keputusan itu di jelaskan tanpa menghiraukan samada mesyuarat agung perwakilan itu kemudian mengesahkan atau mengeneipkan keputusan Lembaga untuk menggantungkan perjalanan Kumpulan Wang ini.

10. BAYARAN DARI KUMPULAN WANG INI BUKANLAH MENJADI HAK

*Pindaan
MAPT 250606*

Tidak seorang penama atau pentadbir seorang **anggota** yang meninggal yang boleh menuntut sebagai hak mutlaknya sebarang munafaat dari Kumpulan Wang ini jika mesyuarat agung perwakilan, atas syor Lembaga, memutuskan samada:

- 10.1 Perjalanan Kumpulanwang ini untuk tempoh tertentu; atau
- 10.2 memberhentikan perjalanan Kumpulanwang ini.

11. LARANGAN

*Pindaan
MAPT 250606*

Koperasi ini tidak boleh meminta sebarang pembayaran dari **anggota** bagi tujuan menjalankan Kumpulanwang ini.

12. PINDAAN

Mesyuarat agung perwakilan boleh, dari masa ke semasa, atas perakuan Lembaga atau cadangan bertulis perwakilan yang telah terlebih dahulu dimasukkan dalam agendanya, meminda Aturan-Aturan ini.